

2,500 penguat kuasa maritim kawal perairan ketika Aidilfitri

Oleh DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA

15 April 2022, 5:28 pm



MOHD. Zubil Mat Som menerima tabik hormat ketika hadir mengunjungi Ibu Pejabat Maritim Malaysia Melaka dan Negeri Sembilan, Kuala Linggi, Melaka.

ALOR GAJAH: Taktik penjenayah yang sanggup menunggu dan mengambil peluang melakukan kegiatan pada musim perayaan Aidilfitri menggunakan perairan negara akan terus dibantersas pasukan maritim di bawah Op Khas Pagar Laut Siri 1/2022.

Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), Datuk Mohd. Zubil Mat Som berkata, operasi itu dilancarkan bermula 19 April sehingga 17 Mei depan membabitkan seramai 2,500 penguatkuasa yang bertugas.

Katanya, operasi itu dilancarkan selepas pihaknya mengesan trend kegiatan jenayah pada musim perayaan termasuklah aktiviti penyeludupan, pencerobohan dan penipuan.

"Umumnya pelaku jenayah beranggapan penguatkuasaan undang-undang di musim perayaan agak longgar kerana sebahagian besar petugas keselamatan bercuti dan meraikan perayaan."

"Disebabkan itu kita melancarkan Op Khas Pagar Laut Siri 1/2022 untuk mempertingkatkan lagi kawalan keselamatan perairan negara membabitkan penugasan 2,500 penguatkuasa di setiap titik panas," katanya dalam kenyataan hari ini.

Mengulas lanjut, Mohd. Zubil berkata, kawalan ketat itu membabitkan semua Maritim Negeri termasuk Zon Maritim, berikutnya cabaran dan ancaman yang berbeza di setiap negeri.

"Sebagai contoh negeri-negeri di sepanjang Selat Melaka berhadapan dengan aktiviti penyeludupan dadah, pendatang asing tanpa izin (PATI) dan kontraband.

"Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan turut berhadapan ancaman sama termasuk barang kawalan bersubsidi, manakala di Pantai Timur aktiviti pencerobohan bot nelayan asing," ujarnya.

Katanya, dalam Operasi Khas Pagar Laut Siri 1/2021 tahun lalu, Maritim Malaysia merekodkan 21 tangkapan membabitkan PATI, penyeludupan dadah, kontraband, ketum dan lain-lain dengan nilai rampasan dianggarkan bernilai RM 38.8 juta.

Dalam pada itu, sejak Januari sehingga 8 April 2022 lalu, sebanyak 257 kes tangkapan direkodkan dengan nilai rampasan lebih RM49.2 juta. – UTUSAN